



Jabatan Pembangunan Masyarakat
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

GARIS PANDU PILIHAN PEMBAYARAN BANTUAN KEBAJIKAN BULANAN (BKB)

MELALUI BANK

Syarat dan Peraturan bagi penerima-penerima BKB yang memilih kaedah pembayaran melalui bank

1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 1.1. Permohonan BKB telah diluluskan oleh JAPEM.
- 1.2. Penerima BKB masih sihat (*able-bodied*) dan boleh menguruskan kewangan sendiri
- 1.3. Hendaklah mempunyai akaun bank atas nama sendiri dalam salah satu institusi perbankan tempatan berikut:
 - 1.3.1. Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD);
 - 1.3.2. Bank Baiduri Berhad ;
 - 1.3.3. Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB).

dan semua urusan pembayaran melalui bank adalah tertakluk kepada terma dan syarat perbankan yang dikenakan oleh ketiga-tiga institusi perbankan berkenaan

2. DOKUMEN YANG DIKEHENDAKI

Setiap permohonan untuk mendapatkan pembayaran BKB melalui bank ini hendaklah mengisikan borang permohonan yang disediakan oleh JAPEM dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:

- 2.1. Salinan buku akaun bank atau *e-statement* yang mempunyai keterangan seperti berikut:
 - 2.1.1. Nama bank
 - 2.1.2. Nama pemohon
 - 2.1.3. Nombor akaun
 - 2.1.4. Jenis akaun
 - 2.1.5. Kad pengenalan pintar

3. PROSES PEMOTONGAN DAN KUTIPAN BALIK BKB

3.1. Pihak bank akan membuat potongan, memberhentikan pembayaran BKB atau membekukan akaun penerima BKB jika menerima makluman dan arahan dari pihak yang diberi kuasa untuk memotong, memberhentikan atau mengutip balik sebarang pembayaran BKB kepada penerima tertentu.

3.2. Pihak bank akan mengembalikan ke pihak Kerajaan jumlah BKB yang terlebih bayar melalui:

3.2.1. Pemotongan dari akaun penerima ATAU

3.2.2. Kutipan balik melalui waris/penjamin.